

Headline	60 pelajar UUM sertai Seminar Pengukuhan Gagasan 1Malaysia		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	27 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Color	Full Color
Page No	26	ArticleSize	371 cm ²
AdValue	RM 3,498	PR Value	RM 10,493



60 pelajar UUM sertai Seminar Pengukuhan Gagasan 1Malaysia

SUNGAI PETANI 26 Mac - Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Kedah telah melancarkan Skwad Sukarelawan Gagasan 1Malaysia di Kelab Cinta Sayang di sini baru-baru ini.

Turut berlangsung pada majlis sama, Seminar Pengukuhan Gagasan 1Malaysia anjuran MAYC yang disertai 60 pelajar Univer-

siti Utara Malaysia (UUM) Sintok.

Pengerusi MAYC Kedah, Shamsul Anuar Ismail berkata, pihaknya mahu memastikan semua daerah di Kedah

mempunyai Skwad Sukarelawan dan semua pihak perlu komited terus memberi khidmat bakti kepada masyarakat.

“Golongan belia dan pelajar universiti perlu diberi maklumat mengenai isu-isu semasa,” katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran itu.

Sementara itu, Pegawai Kemajuan Negeri Kedah, Datuk Azmi Lateh ketika berucap dalam majlis penutup seminar tersebut berkata, penyertaan pelajar universiti sebagai skuad sukarelawan begitu bermakna sekali.

“Melalui minat yang ada dalam skuad sukarelawan seumpama ini, peserta dapat menyelesaikan pelba-

gai masalah yang timbul di tempat masing-masing termasuk dalam kejadian ribut atau banjir,” katanya yang juga Pengerusi Majlis Perun-

dingan Belia Negeri Kedah.

Pada majlis itu, beliau menyumbang sebanyak RM5,000 kepada MAYC Kedah bagi menjalankan pelbagai aktivitinya.

Sementara itu, Pengerusi MAYC Kampus UUM Sintok, Alif Mohd. Rozi berkata, sehingga kini terdapat seramai 200 penuntut UUM yang telah menjadi ahli MAYC dengan 130 daripadanya adalah penuntut wanita.



AZMI Lateh (duduk, tengah) bergambar kenangan dengan Ahli Jawatankuasa MAYC Kedah dan peserta Seminar Pengukuhan Gagasan 1Malaysia di Sungai Petani, baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN